



PROFIL PENAGIHAN DALAM KALANGAN PENAGIH YANG DI TAHAN DI CRCC SELURUH MALAYSIA

Yahya Buntat¹, Dzulkhissham Rahmat @ Rahaman²

ABSTRAK

Kajian berbentuk kuantitatif ini dilakukan terhadap penagih yang sedang menjalani program pemulihan di 18 pusat pemulihan, *Care and Cure Rehabilitation Center* 1Malaysia (CRCC) di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti profil penagihan bagi penagih dadah yang di tahan di CRCC. Kajian ini menggunakan soal selidik yang di bina khas bersesuaian dengan keperluan mencapai obektif kajian yang digariskan. Selain daripada itu, kaedah temubual kepada beberapa orang responden yang di pilih secara rawak mudah bagi setiap pusat juga telah digunakan dalam kajian ini. Seramai 3,703 orang responden yang sedang menjalani program pemulihan kajian, telah berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Tumpuan utama kajian ini adalah cuba mendapatkan maklumat secara menyeluruh berkaitan dengan latar belakang penagih, iaitu dari segi jantina, umur, bangsa, tahap pendidikan serta jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden. Data-data yang di perolehi di proses menggunakan SPSS Version V22, kemudiannya di analisis berdasarkan kekerapan dan pemeratusan. Hasil kajian ini mendapati bahawa lelaki lebih ramai terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Keduanya ramai dalam kalangan penagih terdiri daripada belia yang berumur antara 20 hingga 29 tahun yang kebanyakan mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, tahap pendidikan akademik dan agama yang rendah.

Kata Kunci: Dadah, penyalahgunaan dadah, penagih dadah

¹Prof. Madya.Fakulti Pendidikan, Universiti Tekonologi Malaysia

²Pegawai Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM)



ABSTRACT

This quantitative study was conducted on drug addicts undergoing rehabilitation programs in 18 rehabilitation centers, Care and Cure Malaysia Rehabilitation Center (CCRC) throughout the country including Sabah and Sarawak. The aim of this study was to identify the profile of addiction among the addicts in CCRC. This study used a questionnaire specially constructed in accordance with the requirements outlined achieve objectives of the study. In addition, the method of interview to some respondents who selected randomly for each center has also been used in this study. A total of 3,703 respondents who are undergoing rehabilitation research program, has successfully involved in the study. The main focus of this study is to get the whole information related to the background addiction in terms of genders, ages, education level and also works that had been done by the respondents before entering CCRC. The data was analyzed using SPSS Version V22 and had been analyzed by frequency and percentage. The result of the study indicates that male addicts are more influence to use drugs compare than woman addicts. Besides that, result also shows that those who had low academic and religious education are more involve in the misuse of the drugs compare than those who have better academic and religious education.

Key Words: Addicts, drug, drug addicts.



PENGENALAN

Abdul Ghafar Taib (1992) telah menyatakan bahawa dadah akan menjadi punca kepada penyakit sosial yang merosakkan tamadun manusia. Dadah akan menyumbang kepada masalah sosial yang bukan sahaja melibatkan peringkat bawahan malah di peringkat atasan juga. Dadah boleh menyebabkan keruntuhan negara kerana kekurangan pemimpin yang boleh mengakibatkan disebabkan oleh kewujudan masalah dadah dalam masyarakat. Oleh sebab itu, Malaysia telah mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu awam di negara ini pada tahun 1983 (A. Halim, et al, 2009).

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada penglibatan penyalahgunaan dadah. Salah satu faktor adalah pengaruh rakan sebaya. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Siraj (2000) mendapati bahawa pengaruh rakan-rakan mempunyai hubungan yang paling penting kepada masalah tingkah laku. Mereka cenderung untuk berfikir bahawa rakan-rakan mereka mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai masalah mereka berbanding dengan yang lain. Selain itu, ibu bapa juga menjadi faktor untuk kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam penagih dadah. Menurut Maslow (1997), kekurangan hubungan kasih sayang dipercayai sentiasa menjadi punca gangguan personaliti yang melibatkan tingkah laku agresif dan anti-sosial. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu memberi perhatian mereka kepada anak-anak untuk mengawal mereka daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah atau masalah sosial yang lain. Azmi (1987) mendapati bahawa gaya keibubapaan atau cara ibu bapa mengambil berat untuk anak-anak mereka akan memberi pengaruh kepada mereka sama ada mereka berada di dalam atau di luar rumah.

Terdapat kebimbangan mengenai penyalahgunaan dadah di Malaysia. Norliza Chemi et al (2014) telah menyatakan bahawa dadah yang paling biasa digunakan oleh penagih di negara ini adalah termasuk heroin, *methamphetamine* dan juga perangsang seperti *amphetamine*, kratom, ganja dan ketamin. Populariti *methamphetamine* yang semakin meningkat juga menjadi kebimbangan



kepada pihak berkuasa. Norliza Chami et al (2014) juga menyatakan bahawa penagihan dadah juga mempunyai kesan yang besar kepada individu yang terlibat dan keluarga mereka. Ia mempunyai kesan yang amat buruk kepada kesihatan fizikal dan mental seseorang individu, dan juga psikososial kesejahteraan mereka. Selain itu, penagihan dadah juga menjadi beban berat bagi kerajaan kerana ia memerlukan banyak pihak penguatkuasaan yang berkuasa dan perlu mempunyai sumber penjagaan kesihatan. Kenyataan ini telah dibuktikan apabila kos yang telah disampaikan oleh AADK dalam mengurus dan membangunkan rawatan dan pencegahan telah menelan belanja sebanyak RM295.933 juta pada tahun 2010 (Mohamed Sharif, et al, 2013).

Penyalahgunaan dadah juga menyebabkan kesan yang besar kepada masyarakat. Antara kesan yang dapat di lihat adalah dari segi penglibatan penagih dadah dalam kegiatan jenayah. Pelbagai jenayah dilaporkan dan kebanyakan kes - kes ini juga melibatkan individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Hasil kajian Gan Kong Meng (2003) telah menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah adalah selaras dengan jenayah harta benda. Di samping itu, kajian oleh Haris Wong (1998) juga membuktikan penglibatan kumpulan jenayah dalam kajian yang dijalankan di pusat-pusat pemulihan telah menunjukkan bahawa 74% daripada mereka terus melakukan perbuatan jenayah untuk mengekalkan tabiat mereka, manakala 26% dapat mengawal masalah dadah tanpa melakukan jenayah. Daripada jumlah ini 74%, 70% daripada jenayah harta komited manakala 4% adalah melakukan jenayah keganasan. Dari kedua-dua penyelidik, penagih dadah boleh terlibat dalam jenayah untuk memenuhi keperluan mereka. Walau bagaimanapun, kebanyakan penagih dadah tidak akan menggunakan kekerasan dalam tindakan mereka.

Penyalahgunaan dadah dan jenayah bukan sahaja berlaku di Malaysia. Gottfredson et.al (2008) telah menyatakan bahawa ketagihan dadah dan jenayah adalah dua daripada masalah sosial yang paling sukar di kawal yang di hadapi di Amerika Syarikat. Berdasarkan kenyataan ini, hubungan antara penagih dadah dan jenayah bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain. Anglin dan Perrochet (1998) telah membuat kesimpulan bahawa jenayah merupakan



bahagian yang wujud daripada penggunaan dadah haram dan bahawa pelakuan jenayah harta hampir sentiasa meningkat untuk menyokong penggunaan tahap pergantungan heroin, kokain, retak, *amphetamine* dan juga ganja dalam ringkasan selama 25 tahun penyelidikan yang dijalankan di UCLA Dadah Penyalahgunaan Pusat Penyelidikan.

Kertas kajian ini membincangkan mengenai latar belakang seseorang penagih itu yang berdasarkan jantina, tempat asal penagih serta tahap pendidikan yang di perolehi oleh mereka samada pendidikan akademik mahupun pendidikan agama.

Penyataan Masalah

Penyalahgunaan dadah melibatkan pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira umur, bangsa mahupun tahap pendidikan yang di perolehi oleh seseorang penagih dadah. Pada masa kini, penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin meningkat dan perkara ini bukan sahaja melibatkan generasi yang lebih tua tetapi juga mengenai generasi baru malahan remaja yang masih bersekolah juga jatuh dalam penyalahgunaan dadah ini. Ini dapat di lihat dalam statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan bagi tahun 2013 di mana umur yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah terdiri daripada mereka yang berumur 13 tahun ke atas, di mana kumpulan umur 25 tahun hingga 29 tahun menunjukkan bilangan yang tertinggi di mana sejumlah 3247 orang yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan oleh Aisyah (2010) mengenai pengagihan ruang fenomena penagihan dadah di Johor, beliau mendapati bahawa peratusan penagih dadah yang tinggi adalah terdiri daripada golongan belia di kawasan luar bandar. Ini menunjukkan bahawa golongan yang berasal dari luar bandar lebih cenderung dalam melibatkan diri dalam penagihan dadah.

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum terutamanya di Sabah dan Sarawak. Setiap etnik adalah berbeza-beza dari segi budaya, bahasa, agama dan tingkah laku (Ma'arof & Haslinda, 2002). Ini menunjukkan setiap bangsa di Malaysia



mempunyai kecenderungan tertentu dalam penyalahgunaan dadah dalam masyarakat di negara ini. Oleh sebab itu, satu kajian dalam mengkaji penglibatan penyalahgunaan dadah berdasarkan bangsa perlu dijalankan. Ini bagi membuktikan statistik yang telah dikeluarkan oleh Agensi Dadah Kebangsaan bagi tahun 2013 di mana bangsa Melayu lebih menunjukkan kecenderungan dalam melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah di mana seramai 16,092 telah dengan peratusan sebanyak 77.03% telah terlibat berbanding dengan bangsa lain yang terdapat di Malaysia.

Selain itu, penyalahgunaan dadah juga melibatkan individu yang mempunyai pelbagai tahap pendidikan samada bagi mereka yang hanya mempunyai Pencapaian Menengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia mahupun mereka yang mempunyai Diploma ataupun Ijazah. Ini menunjukkan setinggi manapun tahap pendidikan seseorang itu, individu tersebut masih mempunyai kecenderungan terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Kajian perlu dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana tahap pendidikan seseorang individu itu sama ada dari segi akademik mahupun agama mempengaruhi penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah.

Objektif Kajian

Antara objektif bagi kajian ini dijalankan adalah seperti berikut;

1. Mengetahui kecenderungan jantina yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
2. Mengetahui penglibatan bangsa yang terdapat di Malaysia dalam penyalahgunaan dadah.
3. Mengetahui pengaruh tempat tinggal seseorang individu dengan penyalahgunaan dadah.



4. Mengenal pasti tahap pendidikan yang di peroleh oleh penagih dadah semasa terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah.

5. Mengenal pasti jenis pekerjaan seseorang individu dengan penyalahgunaan dadah.

Justifikasi Kajian

Dapatan kajian ini boleh digunakan oleh pihak berkuasa dalam membasmi pembabitan penduduk Malaysia dalam penyalahgunaan dadah. Selain itu, pihak berkuasa boleh menggunakan hasil kajian ini dalam mengenal pasti program yang sesuai dan lebih berkesan untuk dijalankan bagi memberikan kesedaran mengenai penyalahgunaan dadah. Program ini bukan sahaja bersesuaian untuk dijalankan di sekolah malah kepada keseluruhan masyarakat.

METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan Kajian

Menurut Noraini (2012) kajian kuantitatif mementingkan keobjektifan dalam pengumpulan data yang berdasarkan andaian tentang setiap fenomena dapat diterangkan dengan pengukuran elemen- elemen yang terlibat dalam fenomena tersebut. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah soal selidik untuk menjawab objektif dan melakukan ukuran dalam penganalisaan di mana kaedah ini lebih praktikal dan berkesan untuk digunakan kerana kaedah ini dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran maklum balas yang diberikan oleh responden.



Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian merupakan satu rangka kerja yang digunapakai sebagai panduan bagi pengumpulan dan penganalisan data- data kajian (Sardy & Grosop, 1985). Bagi kajian ini pengkaji menggunakan penyelidikan deskriptif dan melibatkan kajian tinjauan. Deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat menerangkan sesuatu fenomena yang berlaku. Penggunaan penyelidikan deskriptif juga digunakan dalam menerokai sesuatu bidang yang belum dikaji mahupun yang kurang dikaji (Majid, 1990). Noraini (2012) menyatakan tujuan kajian tinjauan adalah untuk menghuraikan ciri- ciri sesebuah populasi agar kajian dapat dijalankan.

Mohd Najib (2003) menyatakan kaedah tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat secara lintas lalu melalui sekali kutipan data yang selalu melalui soal selidik. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data dari sampel saiz yang besar yang membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat secara terperinci. Kaedah tinjauan merupakan kaedah yang mudah dengan cara pemberian alat untuk dipenuhi maklumat kepada sampel dan seterusnya maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang penyelidik. Memandangkan responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan responden yang besar, kaedah tinjauan merupakan kaedah yang sesuai bagi menjalankan proses pengumpulan data.

Responden dan Instrumen Kajian

Seramai 3,703 orang responden yang sedang menjalani program pemulihan kajian telah di pilih untuk terlibat di dalam kajian ini. Responden adalah terdiri daripada pelatih yang sedang menjalankan pemulihan di 18 buah pusat pemulihan, *Care & Cure Rehabilitation Center* 1Malaysia (CCRC) di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kajian ini menggunakan



borang kaji selidik serta kaedah temubual sebagai instrumen kajian. Pemilihan responden dilakukan dengan menggunakan kaedah rawak mudah.

Analisis Data

Data – data yang telah di kumpul melalui kaedah temubual telah di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS) Version V22*. Data telah di analisis dengan menggunakan frekuensi dan peratusan bagi menggambarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada borang kaji selidik dan kaedah temubual.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian yang diperolehi adalah berdasarkan kepada profil penagihan dalam kalangan penagihan iaitu dari segi jantina, umur dan bangsa. Selain itu, dapatan kajian turut melibatkan tahap pendidikan penagih iaitu dari segi umur mereka semasa berhenti belajar serta tahap pendidikan akademik dan agama bagi para responden yang terlibat. Dapatan kajian juga melibatkan tempat asal penagih dadah tersebut.

Profil Penagihan Dalam Kalangan Penagih

Dapatan bagi kajian ini menunjukkan profil demografi (latar belakang penagih secara umum) yang di tahan di CCRC di seluruh Malaysia iaitu melibatkan jantina, umur, bangsa, umur responden semasa berhenti dari persekolahan, tahap pendidikan responden sama ada pendidikan akademik mahupun pendidikan agama serta jenis pekerjaan yang dilakukan oleh responden sebelum di tahan di CCRC.



Jantina

Jadual 1: Taburan Bilangan Responden Berdasarkan Jantina

Bil.	Jantina	Responden	Peratus
1.	Lelaki	3,561	96.2
2.	Perempuan	142	3.8
Jumlah		3,703	100

Jadual 1 menunjukkan bilangan responden yang berjaya dilibatkan di dalam kajian ini iaitu responden lelaki iaitu seramai jumlah 3,561 orang, manakala responden perempuan pula adalah seramai 142 orang.

Umur

Jadual 2: Taburan Umur Responden Mengikut Rank

Umur Responden	Responden	Peratus
1. 20 - 29 tahun	1,326	35.8
2. 30 - 39 tahun	1,252	33.8
3. 40 - 49 tahun	820	22.1
4. 19 tahun ke bawah	162	4.4
5. 50 tahun ke atas	143	3.9
Jumlah	3,703	100.0

Taburan umur responden yang ditahan di CCRC mengikut susunan telah ditunjukkan di dalam Jadual 2. Responden yang berumur 20 hingga 29 tahun adalah responden yang paling ramai dengan jumlah 1,326 orang (35.8) peratus, diikuti responden berumur 30 hingga 39 tahun iaitu seramai 1,252(33.8%), ketiga responden berumur 40 hingga 49 tahun seramai 820 orang (22.1%). Seterusnya responden berumur 19 tahun ke bawah seramai 162 orang (4.4%). Manakala responden berumur 50 tahun ke atas pula seramai 143 orang (3.9%).



Bangsa

Jadual 3: Taburan Bilangan Bangsa Responden Mengikut Rank

Bil.	Bangsa	Bil.Responden	Peratus
1.	Melayu	2,905	78.4
2.	Cina	336	9.1
3.	India	271	7.3
4.	Lain-lain	191	5.2
Jumlah		3,703	100.0

Jadual 3 menunjukkan taburan bilangan bangsa yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah di CCRC yang telah di susun mengikut *rank*. Responden berbangsa Melayu adalah merupakan kumpulan yang paling ramai dengan jumlah seramai 2,905 orang (78.4%). Dikuti bangsa Cina seramai 336(9.1%), India pula seramai 271 orang (7.3%). Manakala lain-lain bangsa seramai 191 orang (5.2%).

Tempat Tinggal

Jadual 4: Tempat Tinggal Responden Mengikut Rank

Tempat Tinggal	Bil.Responden	Peratus
bandar	1778	48.0
luar bandar	1237	33.4
pinggir bandar	688	18.6
Total	3703	100.0

Jadual 4 menunjukkan tempat tinggal responden yang telah disusun mengikut susunan bilangan responden teramai. Responden yang berasal dari bandar berada di tempat paling atas dengan reponden seramai 1,778 orang dan diikuti oleh responden yang tinggal di luar bandar iaitu seramai 1,237 orang. Responden yang tinggal di pinggir bandar merupakan responden yang paling sedikit dengan jumlah 688 orang.



Umur Berhenti Sekolah

Jadual 5: Umur Berhenti Sekolah Mengikut Rank

Bil.	Umur	Responden	Peratus
1.	15 - 18 tahun	2,286	61.7
2.	11 - 14 tahun	889	24.0
3.	19 tahun ke atas	383	10.3
4.	10 tahun ke bawah	145	3.9
Jumlah		3,703	100.0

Jadual 5 menunjukkan umur berhenti sekolah mengikut *rank* berdasarkan responden yang di tahan di CCRC. Kajian ini mendapati responden berumur antara 15-18 tahun merupakan kumpulan responden yang paling ramai dengan jumlah seramai 2,286 orang (61.7%). Dikuti responden berumur antara 11-14 tahun seramai 889 orang (24.0%). Ketiga responden berumur 19 tahun ke atas seramai 383 (10.3%). Manakala responden berumur 10 tahun ke bawah pula seramai 145 orang (3.9%).

Pendidikan Akademik

Jadual 6: Taraf Pendidikan Akademik Mengikut Rank

Bil.	Taraf Pendidikan Akademik	Bil.Responden	Peratus
1.	SPM	1,383	37.3
2.	PMR	1,090	29.4
3.	Sekolah rendah	935	25.2
4.	STPM/Diploma/Matrix dan setaraf	154	4.2
5.	Tidak bersekolah	87	2.3
6.	Ijazah dan setaraf dengannya	54	1.5
Jumlah		3,703	100.0

Jadual 6 menunjukkan tahap pendidikan para responden yang telah di susun mengikut susunan responden teramai di mana dari segi tahap pendidikan akademik, kajian ini menunjukkan bahawa responden yang memiliki SPM adalah merupakan responden yang paling ramai iaitu sejumlah



1,383 orang (37.3%). Kedua PMR seramai 1,090 orang (29.4%). Ketiga yang tamat sekolah rendah seramai 935 orang (25.2%). Responden yang memiliki STPM/Diploma/Matrik dan setaraf seramai 154 orang (4.2%). Responden yang tidak pernah bersekolah seramai 87 orang (2.3%) dan manakala responden yang memiliki Ijazah dan setaraf dengannya seramai 54 orang (1.5%).

Pendidikan Agama

Jadual 7: Taraf Pendidikan Agama Mengikut Rank

Bil.	Pendidikan Agama	Bil.Responden	Peratus
1.	Tidak bersekolah	1,272	34.4
2.	Darjah 4 - 6	1,172	31.7
3.	Lain-lain pengajian agama	609	16.4
4.	Kelas agama khas	220	5.9
5.	Darjah 1 - 3	194	5.2
6.	Sekolah Arab	116	3.1
7.	Kelas agama pondok	91	2.5
8.	Kelas Tahfiz	29	.8
Jumlah		3,703	100.0

Taraf pendidikan agama yang telah di peroleh para responden yang terlibat dalam kajian ini telah ditunjukkan di dalam Jadual 7. Taraf atau status latar belakang pendidikan agama, mendapati bahawa responden yang tidak bersekolah agama adalah kumpulan yang paling ramai iaitu sejumlah 1,272 orang (34.4%), diikuti mereka yang bersekolah agama darjah 4-6 iaitu seramai 1,172 orang (31.7%). Tempat ketiga bagi mereka yang bukan beragama Islam telah mengikuti kelas lain-lain pengajian agama seramai 609 orang (16.4%). Tempat keempat adalah mereka yang menghadiri kelas agama khas seramai 220 orang (5.9%). Responden yang bersekolah agama darjah 1-3 seramai 194 orang (5.2%). Bersekolah Arab seramai 116 orang (3.1%) manakala bagi mereka yang menghadiri kelas agama pondok seramai 91 orang (2.5%) dan kelas tahfiz seramai 29 orang (0.8%).



Jenis Pekerjaan

Jadual: Taburan Jenis Pekerjaan Penagih

Bil.	Jenis Pekerjaan	Bil.Responden	Peratus
1.	Sendiri	2,158	58.4
2.	Swasta	1,093	29.5
3.	Tiada Pekerjaan	282	7.6
4.	Kerajaan	128	3.5
5.	Pesara	42	1.1
	Jumlah	3,703	100.0

Jadual 8 menunjukkan taburan jenis pekerjaan yang dilakukan oleh penagih sebelum di tahan di CCRC. Kajian ini mendapati bahawa penagih yang bekerja sendiri adalah merupakan bilangan yang paling ramai dengan jumlah sebanyak 2,158 orang (58.4%). Diikuti bekerja swasta seramai 1093 orang (29.5%). Seterusnya penagih yang masih belum bekerja seramai 282 orang (7.6%). Penagih yang bekerja dengan kerajaan seramai 128 orang (3.5%). Manakala penagih dari kalangan pesara seramai 42 orang (1.1%).

RUMUSAN

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, di dapati bahawa lelaki merupakan golongan yang lebih ramai yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah berbanding dengan wanita. Ini menunjukkan lelaki lebih mudah terjerumus dalam penyalahgunaan dadah berbanding perempuan. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan kebanyakan penagih yang di tahan di CCRC di Malaysia adalah dalam lingkungan umur 20 tahun hingga 39 tahun. Ini menunjukkan golongan belia lebih ramai terlibat dalam penyalahgunaan dadah berbanding dengan remaja dan golongan emas. Namun begitu, penglibatan remaja tidak boleh di pandang ringan memandangkan penglibatan golongan belia dalam penyalahgunaan dadah boleh bermula dari remaja.



Dapatan kajian juga mendapati bilangan penagih yang tertinggi adalah Bangsa Melayu iaitu sebanyak 78.4% dari penagih yang ditahan di CCRC seluruh Malaysia. Kedua Cina sebanyak 9.1% dan India 7.3 %, serta lain-lain bangsa sebanyak 5.2%. Ini menunjukkan bangsa Melayu lebih cenderung dalam penglibatan penyalahgunaan dadah. Namun begitu, hasil kajian perlu juga melihat dari segi populasi bangsa Melayu dan juga bangsa lain di Malaysia bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih jitu dan berkesan. Selain itu, dari segi tempat tinggal pula di dapati bahawa 48% daripada responden berasal dari bandar, 33.4% responden pula berasal dari luar bandar manakala 18.6 % lagi responden berasal dari pinggir bandar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa kebanyakan penagih dadah yang ditahan di CCRC merupakan mereka yang berasal dari kawasan bandar. Ini mungkin disebabkan akses atau ruang yang lebih mudah dan terbuka bagi membuatkan mereka lebih ramai terjerumus dalam najis dadah.

Selain itu, dapatan kajian juga mendapati bahawa tahap pendidikan akademik bagi penagih yang di tahan di CCRC kebanyakannya mempunyai kelulusan di peringkat SPM, PMR dan sekolah rendah. Namun begitu, terdapat juga antara penagih dadah yang berkelulusan Diploma dan Ijazah yang di tahan di CCRC. Ini menunjukkan, tidak semestinya hanya mereka mempunyai kelulusan yang rendah dalam pendidikan akademik terlibat dalam penyalahgunaan dadah memandangkan mereka yang mempunyai kelulusan yang tinggi juga boleh terjerumus dalam penyalahgunaan dadah. Kajian ini juga mendapati bahawa ramai di antara penagih yang tidak pernah mengikuti kelas/bersekolah agama iaitu sebanyak 34% manakala bagi mereka yang mengikuti pengajian tahfiz hanya 0.80% sahaja. Ini menunjukkan pendidikan agama yang bagus dapat mengelakkan seseorang dari terjerumus dalam aktiviti atau gejala yang tidak sihat seperti masalah penagihan dadah ini. Oleh sebab itu, pengajian agama perlu diberikan dengan lebih menyeluruh dan lengkap supaya setiap individu mempunyai benteng yang kukuh bagi mengelakkan mereka dari terjerumus dalam penyalahgunaan najis dadah ini. Ini bukan sahaja melibatkan mereka yang menganut agama Islam malah turut melibatkan penganut agama lain juga. Ini kerana setiap agama menekankan bahawa penganutnya tidak boleh melakukan perkara yang menyebabkan kesan buruk dalam kehidupan mereka seperti kes penyalahgunaan dadah ini.



Dapatan kajian juga mendapati bahawa kebanyakan responden merupakan golongan yang bekerja sendiri iaitu sebanyak 58.3% dan manakala bagi mereka yang bekerja di sektor swasta pula sebanyak 29.5%. Ini menunjukkan penagih yang mempunyai pendapatan sendiri lebih cenderung untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Ini kerana, mereka boleh mengatur pendapatan yang di perolehi serta masa yang diperuntukkan dengan cara mereka sendiri tanpa melibatkan orang lain. Oleh sebab itu, golongan ini lebih cenderung untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Cadangan:

Terdapat beberapa cadangan yang telah dikemukakan untuk meningkatkan kajian ini. Cadangan-cadangan yang dinyatakan adalah seperti di bawah:

1. Dapatan kajian ini menunjukkan hampir 80% penagih adalah terdiri dari bangsa Melayu. Walaupun jumlah penduduk Melayu secara keseluruhannya adalah 60% dari anggaran 70 juta penduduk di Malaysia, ia dapat memberi gambaran bahawa ramai dalam kalangan penagih adalah terdiri dari bangsa Melayu. Adalah dicadangkan satu kajian secara mendalam perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti punca sebenar mengapakan belia-belia Melayu banyak terlibat dalam penagihan dadah;
2. Kajian ini juga mendapati bahawa golongan yang ramai terlibat dalam gejala penagihan dadah adalah terdiri dari golongan yang berpendapatan rendah iaitu bekerja sendiri, berlatarbelakangkan taraf pendidikan akademik dan pendidikan agama yang rendah. Adalah dicadangkan agar satu program yang terancang secara holistik yang merangkumi pembangunan sahsiah, keagamaan dan ekonomi perlu diadakan secara menyeluruh di semua CCRC di Malaysia bagi membantu mereka meneruskan kehidupan di luar setelah mereka keluar dari pusat pemulihan nanti



3. Satu kajian lanjutan perlu dijalankan bagi melihat faktor atau sebab yang membuatkan golongan yang bekerja sendiri lebih cenderung untuk terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

RUJUKAN

Abdul Ghafar Taib (1992). Dadah Pembunuh. Kuala Lumpur: Delmu (M) Sdn Bhd.

Abdul Halim Mohd Hussin, Vanaja A/P K.Subramaniam, Haslinda Hussein, Sarina Mohamed, Hafiz Yusoff & ASP Loh Chow Woei (2009). Definisi Penagih Dan Ketagihan Menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 198(Pindaan 1998) Dan Akta-Akta Lain Yang Berkaitan. http://www.adk.gov.my/html/pdf/jurnal/2009/jurnal_8.pdf

Abdul Rani K. (2007), *The misuse of drugs in Malaysia: past and present*. Malaysian Anti-Drugs Journal 2007; (1): 1-24.

Aisyah Zainudin (2010), Taburan Spatial Fenomena Penagihan Dadah di Johor. Projek Sarjana Muda Perancang Bandar & Wilayah. Johor: UTM.

Anglin, M. D. & Perrochet, B. (1998), Drug use and crime: A historical review of research conducted by the UCLA Drug Abuse Research Center. *Substance Use and Misuse*, 33, 1871-1914.

Buku Maklumat Dadah 2013, Agensi AntiDadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.



Denise C. Gottfredson, Brook W. Kearley, Shawn D. Bushway (2008), *Substance Use, Drug Treatment, and Crime: An Examination of Intra-Individual Variation in a Drug Court Population*. Journal of Drug Issues 0022-0426/08/02 601-630.

Gan Kong Meng (2003), *Hubungan diantara Penyalahgunaan Dadah dengan Tingkahlaku Jenayah (Satu Kajian dinegeri Pulau Pinang, Diploma Sains Kepolisian Project Paper. UKM / RMP.*

Haris Wong b. Abdullah(1998), *Satu Kajian tentang sejauh manakah penglibatan penagih dadah dalam jenayah indeks. , Diploma Sains Kepolisian Project Paper, UKM / RMP.*

Laporan Dadah Bulan Disember 2011. Agensi Antidadah Kebangsaan Kementerian Dalam Negeri.

Mahmood Nazar Mohamed, Sabitha M., Nadiah Eliah, & Yahya Don (2009). Pattern of Substance and Drug Misuse Among Youth in Malaysia. Jurnal Anti dadah Malaysia, 1-56.

Mohamad Johdi Salleh (2012), *Permasalahan Penagihan Dadah: Tinjauan di Pusat Serenti Selangor*. International Seminar on Community Development – SAPKO 2012. Date: 7 – 9 April 2012. Hotel Primer Kuala Terengganu. By Faculty of Social Development, University Malaysia of Terengganu.

Mohamed Sharif Haji Mustaffa, Mohd Tajudin Haji Ninggal, Yahya Buntat, Syed Mohamed Shafiq Syed Mansor, Lokman Mohd Tahir, & Roslee Ahmad(2013). Perbandingan Faktor Risiko Remaja dan Belia Terlibat Dengan Penyalahgunaan Bahan di Kawasan Bandar dan Luar Bandar. VOT 4B082. Universiti Teknologi Malaysia.



- Muhammad Yusuf Khalid. (2005). “Gejala Sosial dan Penyelesaiannya dari Perspektif Tasawuf” dalam Syamsul Bahri et.al, *Membangun Masyarakat Moden Yang Berilmu dan Berakhlak*. Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan: KUIM
- Norliza Chemi, Norni Abdullah, Anandjit Singh, Mohd Fadzli Mohamad Isa (2014), *A Review of Substance Abuse Research in Malaysia*. Med J Malaysia Vol 69 Supplement A August 2014.
- Saedah Siraj (2000). *Remaja dan Strategi Penyelesaian Masalah*. Universiti Malaya: Alam Pintar Enterprise.
- Wan Azmi Ramli (1987). *Membina Keluarga Sejahtera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia. ms 45-100.
- Noraini Mohamed Noh (2012). *Kesediaan Penerimaan Inovasi Teknologi Dalam Kalangan Guru Perpustakaan Media*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.